

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sumbangan Petronas kepada Kerajaan Persekutuan dalam pecahan mengikut royalti, dividen, bayaran tunai, cukai, cukai eksport/import dan eksais duti dari tahun 1974 hingga 2020.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS telah menyumbang lebih daripada RM1 trilion kepada Kerajaan Persekutuan sejak bagi tempoh tahun 1974 hingga 2020.
  
2. Pecahan jumlah sumbangan tersebut adalah seperti berikut:
  - i. Bayaran tunai sebanyak RM103.4 bilion;
  - ii. Dividen sebanyak RM488.4 bilion;
  - iii. Cukai sebanyak RM466.9 bilion; dan
  - iv. Duti eksais sebanyak RM25.5 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      YB TUAN PANG HOK LIONG  
[ LABIS ]**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang telah kehilangan pekerjaannya akibat wabak pandemik COVID-19 setakat bulan September 2020 dan apakah langkah telah dan akan segera diambil oleh Kerajaan untuk membantu mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO sentiasa memantau keadaan pemberhentian pekerja negara. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), kes kehilangan pekerjaan dari **Januari 2020 sehingga 30 September 2020** adalah seramai **83,717** pekerja. Sehingga 20 November 2020, seramai **97,821** orang yang telah kehilangan pekerjaan.
2. SIP adalah pelengkap jaringan keselamatan sosial yang boleh membantu pekerja yang telah kehilangan pekerjaan. Pekerja yang hilang pekerjaan akan memperoleh bantuan kewangan sementara (*replacement of income*) bagi menyara hidup mereka sebelum mendapatkan pekerjaan baharu.
3. Bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan, antara bantuan di bawah SIP yang akan diberikan adalah seperti berikut;

- i. **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** iaitu menyediakan elauan mencari pekerjaan bagi tempoh 3 - 6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman. Jumlah EMP yang dibayar adalah 80% pada bulan pertama, 50% pada bulan kedua, 40% pada bulan ketiga dan keempat, manakala 30% pada bulan kelima dan keenam.
- ii. **Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)** iaitu elauan yang dibayar kepada Orang Berinsurans (OB) yang kembali bekerja dengan cepat. Elauan bekerja semula awal ini bertujuan sebagai insentif untuk menggalakkan OB untuk kembali bekerja dengan segera. Kadar bayaran elauan adalah sebanyak 25% daripada baki EMP dan dibayar secara pukal;
- iii. **Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)** adalah elauan yang disediakan kepada OB yang bekerja dengan lebih daripada satu majikan dan telah kehilangan pekerjaan dari salah satu majikan tersebut. Kadar dan tempoh bayaran adalah sama dengan EMP;
- iv. OB yang menjalani latihan akan mendapat **Elaun Latihan** di antara RM10 hingga RM20 sehari selama 6 bulan;
- v. **Fi Latihan** dibayar kepada Penyedia Latihan yang berdaftar dengan jumlah maksimum sebanyak RM4,000.
- vi. **Faedah bantuan pencarian pekerjaan** untuk membantu OB dapat kembali bekerja semula iaitu dengan sokongan secara individu oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO kepada OB.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Selain daripada itu, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) melalui Kementerian Sumber Manusia yang merangkumi dua (2) komponen utama iaitu Program Insentif Pengambilan Pekerja (Hiring Incentive) dan Program Latihan. Program ini adalah bertujuan untuk merangsang pengambilan pekerja

oleh majikan, di samping meningkatkan kebolehpekerjaan seseorang pekerja melalui latihan/ latihan semula. Program-program adalah seperti berikut:

- i. **Program *HireMalaysia*** iaitu pengambilan pekerja tempatan. Sehingga 20 November 2020, seramai **68,198** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan **10,874** orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;
  - ii. **Bantuan Mobiliti** secara *one-off* kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu. Sehingga 20 November 2020, seramai **4,263** orang pekerja telah mendapat faedah melalui Bantuan Mobiliti ini; dan
  - iii. **Program Latihan** untuk pekerja berdasarkan keperluan majikan. Sehingga 20 November 2020, seramai **14,029** orang pekerja telah mendapat manfaat daripada program latihan.
5. Selain itu, Kerajaan telah melaksanakan Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional yang dikenali sebagai **MYFutureJobs**. Portal pekerjaan ini membantu pencari kerja sektor pelancongan mendapatkan pekerjaan. Sejak **MYFutureJobs** diperkenalkan pada 1 Januari 2020 sehingga 20 November 2020, sebanyak **524,116** kekosongan jawatan dan **389,184** pencari kerja telah didaftarkan.
6. Kementerian melalui PERKESO turut melaksanakan program Karnival PenjanaKerjaya. Sehingga 20 November 2020, sebanyak 229 program Karnival Pekerjaan telah diadakan di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan 541 majikan dan berjaya menempatkan seramai 4,060 pencari kerja.
7. Kementerian Sumber Manusia juga, melalui PSMB atau HRDF mempunyai pelbagai inisiatif di bawah Penjana HRDF yang dapat membantu pekerja yang telah hilang pekerjaan atau yang mungkin akan kehilangan kerja.
8. Untuk makluman, seramai 35,000 peserta telah dikenal pasti untuk dilatih dan seterusnya diserap ke dalam syarikat-syarikat yang

terlibat. Pada masa yang sama HRDF juga mempunyai program “Gerak Insan Gemilang” atau “GIG” di mana pekerja yang berminat boleh mendapatkan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang bagi menjana pendapatan sampingan sementara mencari pekerjaan baru.

9. Kementerian melalui PSMB telah melaksanakan skim *Place & Train* di bawah Inisiatif Penjana HRDF. Konsep *Place & Train* adalah dengan memberi jaminan penempatan pekerjaan kepada pelatih untuk tempoh minimum selama 12 bulan setelah tamat mengikuti program *reskilling and upskilling*. Sehingga 13 November 2020, seramai 16,434 pelatih telah diluluskan dengan bantuan kewangan berjumlah RM85 juta di bawah pelaksanaan skim *Place & Train*. Daripada jumlah tersebut, 2,396 pelatih telah tamat latihan dan sedang berkhidmat dengan majikan baharu masing-masing.

Sekian, terima kasih.